

Amir Kuwait dijangka bincangkan kerjasama ekonomi dgn kita

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Amir Kuwait, Sheikh Jaber Al-Ahmed Al-Jaber Al-Sabah serta rombongannya akan memulakan lawatan rasmi empat hari ke negara ini mulai 15 September ini, atas undangan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Di antara aturcara lawatannya ialah mengadakan Yang di-Pertuan Agong, mengadakan perbincangan dua hala mengenai kerjasama ekonomi dan teknikal, isu-isu antarabangsa dan serantau serta menghadiri taklimat oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Di samping berunding dengan Perdana Menteri Datuk Hussein Onn, Sheikh Jaber Al-Ahmed juga akan melawat Ibupejabat PERKIM,

meletakkan kalungan bunga di Tugu Negara dan melawat Masjid Negara.

Timbalan Menteri Luar, Datuk Mokhtar Hashim memberitahu pagi ini bahawa lawatan itu akan menempah satu lagi sejarah perhubungan dua hala antara Malaysia dan Kuwait yang semakin erat sekarang.

Di antara beberapa perkara yang dijangka ditimbulkan nanti, termasuklah isu Baitulmuqaddis dan Palestin, isu Kampuchea dan pencerobohan tentera di sempadan Thai, isu Afghanistan, kerjasama ekonomi dan di bidang petroleum.

Sambil menegaskan bahawa kerjasama Malaysia dan Kuwait kini, di bidang ekonomi dan politik, adalah semakin erat, Datuk Mokhtar berharap agar lawatan pemimpin

Kuwait itu akan membolehkan Malaysia mendapat gambaran lebih jelas mengenai pandangan dunia Arab terhadap pencerobohan Israel di Palestin dan usaha menjadikan Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Israel yang baru.

"Ini adalah penting kerana Kuwait merupakan negara Arab paling rapat dan berhampiran dengan kita.

Pertukaran pendapat mengenai beberapa isu di Asia Barat dengan Kuwait akan membolehkan kita mendapat gambaran lebih jelas mengenainya, tambah beliau.

"Pertukaran pendapat itu juga akan membolehkan Malaysia membuat penillalan terhadap masalah yang kini wujud di rantau itu terutamanya mengenai Baitulmuqaddis dan Palestin." katanya.